

07 JAN 1999

Rahim-Reaksi

PEMUDA UMNO HORMATI PELETAKAN JAWATAN TAN SRI ABDUL RAHIM

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan tindakan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor meletak jawatan sebagai seorang yang bertanggungjawab dan menganggapnya sebagai perkembangan positif.

Pemangku ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata bagaimanapun, pergerakan tidak mahu peletakan itu menyebabkan berlaku tuduh menuduh dan mencari salah kerana institusi polis harus dihormati.

Beliau mengulas peletakan jawatan Abdul Rahim semasa menghadiri majlis berbuka puasa meraikan kira-kira 100 orang kanak-kanak yatim dan kurang upaya di Pasar Seni di sini hari ini.

Katanya, sebagai manusia biasa, kita tidak lari daripada membuat kesilapan tetapi sebagai seorang yang memegang sesuatu jawatan, kita perlu bertanggungjawab sepenuhnya atas amanah yang ditugaskan.

"... Pemuda menyerahkan sepenuhnya kepada pucuk pimpinan khususnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memikirkan keadaan sekarang ini tetapi pada masa yang sama saya juga ingin mengingatkan kepada semua supaya kredibiliti, keupayaan dan kewibawaan polis sentiasa dibela dan dipertahankan," katanya.

Menurut Hishamuddin, Pemuda Umno selama ini pun sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa tidak ada siapa yang melebihi undang-undang yang telah termaktub.

"Saya dan Pergerakan Pemuda hanya ingin melihat wujudnya keadilan ... saya mengalu-alukan pihak tertentu untuk menyiasat supaya kebenaran dapat ditegakkan."

"Saya mengharapkan semua pihak rasional dalam hal ini. Jangan kita tuduh-menuduh tetapi mereka yang didapati bersalah harus diketengahkan. Ini prinsip kita," katanya.

Beliau berkata, peranan polis dalam memastikan kestabilan dan keharmonian negara tidak dapat dinafikan.

"Pokoknya moral, kredibiliti dan institusi polis harus terus terpelihara. Saya tidak ingin mengatakan kita perlu ada suruhanjaya atau jawatankuasa tertentu. Yang penting keadilan dan bukan menuding jari kepada sesiapa atau mana-mana institusi," kata Hishamuddin.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang berkata peletakan jawatan Abdul Rahim yang berkuatkuasa esok tidak menangani isu sebenar berhubung dengan identiti mereka yang bertanggungjawab bagi kecederaan Anwar.

Beliau berkaya kepercayaan masyarakat akan merosot lebih teruk jika rakyat rakyat Malaysia dan antarabangsa berasa seolah-olah peletakan jawatan Abdul Rahim cuma alasan bagi "menyembunyikan kebenaran" dan menamatkan semua siasatan mengenai insiden itu.

Lim berkata langkah pertama bagi mengembalikan kepercayaan masyarakat umum kepada institusi kerajaan di Malaysia ialah gagi Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat insiden itu.

Beliau berkata pihak pembangkang harus dimaklumkan mengenai keanggotaan suruhanjaya itu supaya mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat antarabangsa.

Sementara itu, penyelaras Suara Rakyat Malaysia (Suaram) Elizabeth Wong berkata pegawai polis lain yang terbabit dalam insiden itu harus didakwa dan dihadapkan ke mahkamah dengan secepat mungkin.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali pula berkata peletakan jawatan Abdul Rahim merupakan kemenangan bagi keadilan.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang harus memberi jaminan bahawa individu-individu yang menyebabkan kecederaan ke atas Anwar hendaklah dikenal pasti, didakwa di mahkamah dan dihukum.

Dalam pada itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berpendapat Tan Sri Abdul Rahim Noor tidak perlu untuk meletakkan jawatan sebagai Ketua Polis Negara.

Beliau berkata ini kerana ia akan menjejaskan tanggapan orang ramai terhadap tanggungjawab jabatan berkenaan.

Katanya, dengan peletakan jawatan itu, masyarakat negara ini akan berpandangan buruk terhadap jabatan tersebut setelah apa yang berlaku ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

Nik Aziz ditemui pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama anggota polis Kelantan di Kota Baharu, malam ini bagaimanapun berkata keputusan Abdul Rahim itu disifatkan sebagai keputusan peribadi beliau dan keputusan itu mungkin telah difikirkan semasak-masaknya.

Abdul Rahim hari ini membuat kejutan dengan mengumumkan keputusan untuk meletak jawatan berkuatkuasa esok kerana mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar.

Beliau membuat keputusan itu berikutan kenyataan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah pada 5 Jan mengenai siasatan polis terhadap kecederaan Anwar yang menyatakan Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan Anwar semasa dalam tahanan polis.

-- BERNAMA

APG MT ZI AHH FAZ